



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



## **TEKS UCAPAN ALU-ALUAN**

### **MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH KE - 23**

### **DEWAN AL-JAZARI**

**DR. HJ. MOHD ZAHARI BIN ISMAIL  
PENGARAH  
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH**



MALAYSIA

Terima kasih Pengacara Majlis.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

**Yang Berbahagia Datuk Seri (Dr.) Syed Hussian Aljunid**

Pengerusi Kumpulan Media Prima Berhad

**Yang Berusaha Technologist Roseman bin Mat Jidin**

Timbalan Pengarah Akademik

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

**Yang Berusaha Technologist Dr. Hj. Ahmad Aftas bin Azman**

Timbalan Pengarah Sokongan Akademik

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Pengarah-pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti

Pengarah-pengarah Bahagian

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Ahli-ahli Mesyuarat Pengurusan, para pensyarah dan kakitangan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Wakil-wakil industri

Rakan-rakan media

Yang diraikan ibu bapa dan barisan graduan

Serta hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, setinggi - tinggi rasa syukur ke hadrat Allah Ta'ala kerana limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat bersama dan berhimpun dalam majlis yang penuh berprestij di dewan ini sempena **Majlis Konvokesyen Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) Kali Ke-23**. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada yang **Berbahagia Datuk Seri (Dr.) Syed Hussian Aljunid** Pengerusi Kumpulan Media Prima Berhad kerana sudi hadir pada hari ini. Sesungguhnya PSA merasa sangat bertuah atas kehadiran Berbahagia Datuk Seri (Dr.) yang menambahkan lagi seri majlis kita. Tahniah kepada semua pihak dan seluruh warga kerja PSA kerana telah memberikan komitmen padu dalam merealisasikan majlis yang penuh makna ini.
2. Bersempena detik yang bersejarah ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada semua

graduan kerana telah berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing. Ingatlah bahawa penganugerahan ijazah, diploma dan sijil hanyalah satu permulaan. Dengan bekalan ilmu yang ada, anda akan mula belajar membina kehidupan dan memberi makna dalam kehidupan anda. Ingatlah, setinggi manapun kejayaan yang diraih, jangan sesekali melupakan jasa ibu bapa dan keluarga serta para pendidik yang bertungkus lumus mencurahkan bakti.

**Para graduan, ibu bapa dan sidang hadirin sekalian,**

3. Sejak penubuhan PSA pada tahun 1997, sehingga kini PSA telah melahirkan seramai **41,178 orang graduan** dalam pelbagai lapangan pengajian. Bagi majlis konvokesyen kali ini, seramai **1,684 orang graduan bakal menerima ijazah, diploma serta sijil masing-masing**. Daripada jumlah tersebut, seramai 425 graduan daripada Jabatan Perdagangan, 498 graduan daripada Jabatan Kejuruteraan Awam, 363 graduan daripada Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan 398 graduan daripada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal termasuk 16 daripadanya graduan Sijil Kemahiran Penyenggaraan Mekanikal yang merupakan **pelajar OKU pendengaran**.
4. Tahun ini juga, seramai empat orang graduan **Techno-Huffaz** daripada Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM

yang menghafaz 30 juzuk Al-Quran berjaya dilahirkan berbanding hanya seorang pada tahun lalu. Dua orang daripadanya turut diraikan dalam Majlis Konvokesyen PSA kali ini. PSA juga turut berbangga dengan pencapaian para graduan dalam pelbagai lapangan sama ada akademik, penyelidikan, sukan mahupun kesukarelawan baik di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Kejayaan ini bukan sahaja membanggakan PSA malah apa yang lebih penting, keupayaan mereka dalam memberi manfaat kepada komuniti, industri dan seterusnya memberi sumbangan kepada negara.

5. Sebagai contoh, ada dalam kalangan graduan ini telah berjaya menghasilkan inovasi dan produk ciptaan sendiri sehingga **dipatnkan dan seterusnya digunakan oleh industri**. Ini membuktikan bahawa Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) telah berjaya membuka persepsi baharu minda rakyat Malaysia bahawa aliran TVET adalah pemangkin untuk mencapai status negara maju dengan pekerja berkemahiran tinggi. Syabas dan tahniah semua graduan!

**Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,**

6. Tahun ini PSA meraikan **sambutan Jubli Perak sempena 25 tahun penubuhannya** yang telah dirasmikan oleh Yang

Berhormat Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad. Sepanjang tempoh ini, pelbagai pengalaman dan kejayaan diraih sehingga meletakkan PSA sebagai salah sebuah politeknik premier yang disegani dan sering menjadi tumpuan. Kewujudan **Centre For Medical Electronics Technology (CMET)** yang telah mendapat pengiktirafan MS ISO/IEC 17025:2017 daripada Jabatan Standard Malaysia untuk khidmat kepakaran penentukuran (*calibration*) peralatan pengujian biomedikal dan penubuhan **Pusat Bertauliah** yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia bagi meningkatkan kemahiran dan kepakaran graduan, telah meletakkan PSA terus di hadapan sebagai institusi TVET yang unggul.

7. Terbaharu, PSA turut dipilih sebagai tuan rumah dan penganjur bersama **Minggu TVET Negara 2022** yang berlangsung pada 18 hingga 24 Jun 2022. Program yang julung kali diadakan ini telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri dengan disertai oleh 11 kementerian TVET di samping penyertaan pelbagai agensi dan industri. Dalam majlis tersebut, Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, TVET merupakan pemangkin utama dalam melahirkan tenaga kerja tempatan yang berkemahiran tinggi seperti

mana negara maju yang lain. Justeru, PSA sedaya upaya mempersiapkan mahasiswa dengan pelbagai ilmu dan kemahiran bagi menghadapi cabaran dunia pekerjaan khususnya dalam menuju Revolusi Industri 5.0 (IR 5.0).

8. PSA juga meletakkan pelbagai sasaran bagi memastikan PSA terus ke hadapan dan kekal relevan dengan perkembangan semasa. Antara **way forward** PSA adalah mendapatkan akreditasi daripada Accreditation Service for International School, Colleges and Universities (ASIC) yang merupakan badan jaminan kualiti antarabangsa dalam akreditasi institusi pendidikan di seluruh dunia di samping mengekalkan akreditasi Asia Pacific Accreditation and Certification Commission (APACC) yang diperolehi kini.
9. PSA juga turut berkerjasama rapat dengan beberapa universiti antaranya Rangkaian Universiti-Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) termasuklah Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), serta Universiti Sains Malaysia (USM) dan Al Bukhary International University (AIU) dalam menyediakan laluan kepada mahasiswa PSA bagi melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

**Para graduan, ibu bapa dan sidang hadirin sekalian,**

10. Sebelum saya akhiri ucapan ini, sukalah saya berpesan kepada graduan sekalian untuk terus bersama PSA walau di

mana sahaja anda berada. Ingatlah anda adalah **duta kepada PSA**. Ketika saudara dan saudari berada dalam masyarakat, selain membawa nama keluarga, anda juga membawa nama Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Bawalah kenangan manis dan kongsi pengalaman menimba ilmu di sini.

11. Dengan tulus ikhlas menadah tangan kepada Allah SWT, saya berdoa agar saudara dan saudari menjadi insan hebat yang cemerlang dari sudut akademik dan sahsiah diri. Perlihatkanlah daya kepimpinan, semangat juang dan integriti anda dalam segala urusan hidup dan hadapi setiap cabaran yang mendatang dengan penuh tabah, berani dan dedikasi. Sekali lagi syabas dan tahniah diucapkan kepada semua.

Salam hormat daripada saya. Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.